



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 April 2022
25 Ramadan 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• 327 nelayan syukur terima insentif sara hidup RM250
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL				
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			
						12	27/4/2022	

327 nelayan syukur terima insentif sara hidup RM250

Masjid Tanah: Ibarat menerima 'duit raya' apabila seramai 327 nelayan daerah Alor Gajah menerima insentif sara hidup berjumlah RM250.

Sumbangan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan itu membolehkan mereka membuat persiapan menyambut Aidilfitri, apatah lagi dalam keadaan hasil tangkapan semakin berkurangan sejak sebulan lalu.

Sumbangan disampaikan Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahmah dan Exco Perindustrian Pelaburan dan Pemba-

ngunan Usahawan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bidara, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan DUN (Japerun) Tanjung Bidara di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan yang baharu Mohd Sufian Sulaiman dan Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon.

Insentif bernilai RM1,000 setiap nelayan itu diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali ketika membentangkan Bajet 2022 pada November lalu.

Pembayaran RM250 se-

malam kali kedua selepas kali pertama pada Januari lalu manakala yang ketiga dan keempat sebelum Oktober depan.

Nelayan, Zakaria Hamzah, 68, berkata, wang itu sedikit sebanyak membantu membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

"Sekarang daging mahal, RM35 sekilogram dan dengan adanya duit itu, dapat saya beli daging dan ayam untuk Aidilfitri," katanya.

Abdul Latif Gedik, 72, berkata, sejak sebulan lalu hasil tangkapan merosot berikutan perubahan Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya yang menyebabkan mereka terpaksa menggunakan



ABDUL Razak (dua dari kiri) menyampaikan insentif sara hidup kepada nelayan di Japerun Tanjung Bidara. Masjid Tanah. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR

wang simpanan.

"Alhamdulillah, wang yang saya terima akan digunakan sebaik mungkin untuk belanja menjelang Aidilfitri," katanya.

Mohd Shukri Roslan, 31,

berkata, walaupun tidak banyak, wang itu meringankan bebannya membuat persiapan menyambut Aidilfitri dengan tumpuan utama diberikan untuk membeli daging dan ayam.

Mohd Ali Abu Bakar, 54, berkata, sumbangan itu mencerikannya kerana sejak dua minggu lalu hasil tangkapan ikan menurun, sekali gus menyebabkan poketnya semakin Kempis.